

# Kurnia Travel **S**upreme



## Polisi Insurans

**AmGeneral Insurance Berhad** 197801007153 (44191-P)

*Ahli Kumpulan AmBank*

Menara Shell, No. 211, Jalan Tun Sambanthan, 50470, Kuala Lumpur, Malaysia.

Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)



1 800 88 3833



[customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)



[www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

# Isi Kandungan:

<b>1</b>	<b>Definisi</b>	<b>2</b>
<b>2</b>	<b>Faedah</b>	<b>4</b>
<b>3</b>	<b>Pengecualian Am Terpakai Kepada Semua Faedah</b>	<b>14</b>
<b>4</b>	<b>Syarat-syarat Am</b>	<b>15</b>
<b>5</b>	<b>Endorsemen, Perubahan Dan Penambahan (Tidak Termasuk Dalam Polisi Melainkan Dinyatakan Dalam Jadual Polisi)</b>	<b>17</b>
<b>6</b>	<b>Notis Penting</b>	<b>17</b>

**Kami** bersetuju, tertakluk kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat yang terkandung dalam Polisi ini atau yang diendorskan, bahawa sekiranya dalam **Tempoh Insurans**, **Anda** mengalami kerugian sebagaimana yang ditunjukkan di bawah, **Kami** akan menanggung kerugian **Anda** sehingga had sebagaimana yang ditentukan.

### HAD-HAD LIPUTAN GEOGRAFI:

1. Kawasan 1: Adalah terhad kepada negara-negara berikut sahaja:  
Dari Sabah/Sarawak ke Semenanjung Malaysia sahaja dan sebaliknya, Australia, Brunei, Kemboja, China (kecuali Mongolia & Tibet), Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea, Laos, Macau, Maldives, Myanmar, New Zealand, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand, dan Vietnam.
2. Kawasan 2: Seluruh dunia kecuali Amerika Syarikat / Kanada
3. Kawasan 3: Seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat / Kanada

### TEMPOH INSURANS

Berkenaan dengan semua faedah-faedah lain yang terkandung, insurans ini bermula sebaik sahaja **Anda** meninggalkan tempat kediaman atau perniagaan **Anda** di Malaysia (yang mana terkemudian) untuk memulakan perjalanan **Anda** sehingga masa kepulangan **Anda** ke tempat kediaman atau perniagaan **Anda** di Malaysia (yang mana terdahulu) setelah selesai perjalanan **Anda**.

Di bawah Faedah 9A (Kehilangan Deposit atau Pembatalan) insurans berkuat kuasa sebaik sahaja **Polisi/Jadual** ini dikeluarkan dan tamat sebaik sahaja bermulanya perjalanan yang dirancang dari tempat kediaman atau perniagaan **Anda** di Malaysia.

**Anda** akan dilindungi bagi perjalanan yang bermula apabila **Anda** meninggalkan tempat kediaman atau perniagaan **Anda** di Malaysia (yang mana terkemudian) untuk perjalanan terus ke destinasi yang ditujui dan akan berakhir apabila **Anda** kembali ke Malaysia; ia tidak akan bermula lebih daripada dua puluh empat (24) jam sebelum jadual waktu pelepasan **Anda** dan akan tamat apabila berlaku mana-mana perkara berikut:

- a) Dua puluh empat (24) jam selepas **Anda** tiba di Malaysia
- b) Sebaik sahaja tiba ke tempat kediaman atau perniagaan **Anda** di Malaysia (yang mana terdahulu)
- c) Tamat **Tempoh Insurans**

Suatu perjalanan hendaklah melibatkan perjalanan balik ke Malaysia dalam **Tempoh Insurans** yang dinyatakan di sini, kecuali bagi perjalanan sehala yang tamat dua puluh empat (24) jam dari jadual ketibaan di destinasi terakhir di **Luar Negara**. Bagi perlindungan perjalanan sehala mana-mana persinggahan hendaklah tidak melebihi satu (1) bulan.

Insurans ini tidak sah bagi perjalanan melebihi tempoh satu ratus (100) hari berturut-turut bagi **Pelan/Polisi Perjalanan Tahunan** dan seratus lapan puluh (180) hari berturut-turut bagi **Pelan Satu Perjalanan**.

Pelanjutan kepada **Tempoh Insurans** adalah tidak dibenarkan.

### KELAYAKAN

1. Untuk layak mendapat perlindungan di bawah **Polisi** ini, **Anda** mestilah Warganegara Malaysia atau Pemastautin Tetap di Malaysia atau Pemegang Permit Kerja di Malaysia, pemegang pas lawatan sosial jangka panjang, atau pemegang pas pelajar di Malaysia dan tanggungan **Anda** yang menetap di Malaysia.
2. Sekiranya **Anda** ialah pelajar yang menuntut di **Luar Negara** atau pertukaran pekerja sementara di **Luar Negara**, **Anda** hanya layak untuk perlindungan "perjalanan sehala".

### PELANJUTAN AUTOMATIK UNTUK KELEWATAN PERJALANAN BALIK

Sekiranya berlaku kelewatan di luar kawalan **Anda** dan perjalanan balik tidak dapat dibuat sebelum tamat **Tempoh Insurans**, **Polisi** ini akan kekal berkuat kuasa sehingga tiga puluh (30) hari tanpa dikenakan premium tambahan bagi tempoh tersebut dengan alasan yang munasabah bagi melengkapkan perjalanan tersebut sekiranya:

- a) **Anda** dimasukkan ke hospital disebabkan **Penyakit** yang serius atau **Kecederaan** anggota badan akibat kemalangan; atau
- b) **Anda** dikuarantinkan di **Luar Negara** seperti disyorkan oleh **Pengamal Perubatan**; atau
- c) Berlaku kelewatan yang tidak dapat dielak pada sistem **Pengangkutan Awam** berjadual yang **Anda** naiki (kecuali kerosakan mekanikal atau struktur pada mana-mana kenderaan darat kecuali keretapi/rel).

**Anda** mestilah mengemukakan bukti berdokumen bagi sebab-sebab berlakunya kelewatan tersebut.

**KEMALANGAN**

bermaksud kejadian tiba-tiba, tidak disengajakan, tidak dijangka, luar biasa dan tertentu yang berlaku pada masa dan tempat yang boleh dikenal pasti dan bebas daripada sebarang sebab lain, yang menjadi sebab semata-mata kepada kecederaan anggota badan termasuk keracunan makanan.

**PELAN/POLISI PERJALANAN TAHUNAN**

bermaksud **Polisi** bagi perlindungan insurans untuk dua belas (12) bulan bagi perjalanan **Luar Negara**. Walau bagaimanapun, maksimum bagi setiap satu perjalanan adalah terhad kepada tempoh seratus (100) hari berturut-turut dari masa berlepas dari Malaysia.

**PELAN SATU PERJALANAN**

bermaksud **Polisi** bagi perjalanan **Luar Negara** sehingga maksimum seratus lapan puluh (180) hari berturut-turut dari masa berlepas di Malaysia.

**ANAK/ANAK-ANAK**

bermaksud anak kandung/anak angkat yang sah/anak tiri **Pihak Diinsuranskan** yang belum bekerja dan belum berkahwin, berumur 30 hari hingga ke 18 tahun, atau sehingga ke 23 tahun sekiranya dia masih menuntut sepenuh masa di institusi pengajian tinggi yang diiktiraf.

**PELAN KELUARGA**

bermaksud **Pihak Diinsuranskan**, (salah seorang) **Suami/Isteri Pihak Diinsuranskan** yang sah dan **Anak-anak Pihak Diinsuranskan** yang diinsuranskan di bawah **Polisi** ini.

**PENGANGKUTAN AWAM**

bermaksud mana-mana pengendali berlesen dan berdaftar yang menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam berjadual untuk individu-individu yang mengembara sebagai penumpang berbayar dalam kenderaan sebagaimana dinyatakan di bawah:

- a) Bas, teksi, koc, limousin lapangan terbang, feri, hoverkraf, hidrofoil, kapal laut, keretapi, trem atau keretapi bawah tanah; dan
- b) Sebarang pesawat bersayap tetap yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial berlesen atau penerbangan tempahan berjadual dan/atau helikopter yang beroperasi antara lapangan terbang komersial atau pangkalan helikopter yang sah dan diiktiraf.

**PEMENDEKAN PERJALANAN**

bermaksud pemendekan perjalanan dan pulang ke tempat kediaman di Malaysia bagi perjalanan yang dirancang selepas tiba di destinasi yang ditempah sebagaimana yang ditunjukkan dalam bil tempahan.

**RAMPASAN/PERAMPASAN**

bermaksud tindakan merampas atau mengambil alih kawalan yang menyalahi undang-undang ke atas sesuatu kenderaan yang membawa penumpang dan anak kapal yang dinaiki oleh **Anda**.

**HOSPITAL**

bermaksud mana-mana institusi yang hanya ditubuhkan dan didaftarkan dengan sewajarnya sebagai sebuah hospital untuk penjagaan dan rawatan orang-orang sakit dan cedera di mana pesakit perlu membayar kos hospital, dan yang:

- a) mempunyai kemudahan untuk menjalankan diagnosis dan pembedahan besar,
- b) menyediakan perkhidmatan kejururawatan dua puluh empat (24) jam sehari secara berterusan di bawah penyeliaan jururawat yang berdaftar dan bertauliah,
- c) di bawah penyeliaan **Pengamal Perubatan**, dan
- d) bukan klinik; tempat untuk penagih alkohol atau dadah; rumah penjagaan, rumah rehat atau rumah pemulihan atau rumah orang-orang tua atau institusi seumpamanya.

**KECEDERAAN**

bermaksud kecederaan anggota badan yang dialami oleh **Anda** sepanjang **Tempoh Insurans** yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan**.

**PIHAK DIINSURANSKAN**

bermaksud orang yang dinamakan sebagai **Pihak Diinsuranskan** dalam **Jadual**.

**ORANG YANG DIINSURANSKAN/ANDA**

bermaksud orang yang dinamakan dalam **Jadual** yang mana perlindungan telah disediakan untuknya di bawah **Polisi** ini.

## PENYAKIT

bermaksud keadaan fizikal yang ditandakan oleh penyimpangan patologi daripada keadaan kesihatan normal yang boleh dilihat dengan jelas dalam **Tempoh Insurans**, kecuali sebarang **Keadaan Pra-Wujud**.

## AHLI KELUARGA TERDEKAT

bermaksud **Suami/Isteri**, **Anak-anak**, menantu lelaki, menantu perempuan, ibu/bapa, ibu/bapa mertua, datuk/nenek, datuk/nenek mertua, cucu, abang, kakak, adik, saudara ipar lelaki, saudara ipar perempuan **Anda**.

## KEHILANGAN ANGGOTA BADAN

bermaksud kehilangan akibat pemisahan fizikal atau hilang keupayaan kekal menyeluruh penggunaan tangan dari atau atas pergelangan tangan atau kaki dari atau atas buku lali.

## KEHILANGAN PENGLIHATAN

bermaksud kehilangan penglihatan keseluruhan dan tidak akan pulih.

## PENGAMAL PERUBATAN

bermaksud individu (selain **Anda**, **Ahli Keluarga Terdekat** atau saudara **Anda**) yang berdaftar, berlesen dan bertauliah untuk mengamalkan perubatan barat dalam bidang kepakaran di kawasan geografi dan dalam bidang kuasa di mana perkhidmatan perubatan disediakan.

## WANG

bermaksud wang tunai, nota bank atau matawang atau cek kembara.

## LUAR NEGARA

bermaksud

- i) Sabah/Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya; dan
- ii) Dalam **Had-had Liputan Geografi** terpilih sepertimana dinyatakan dalam **Jadual**.

## POLISI

bermaksud kontrak insurans **Anda** yang merangkumi dokumen **Polisi** ini, **Jadual** dan sebarang pengendorsan.

## KEADAAN PRA-WUJUD

bermaksud apa-apa keadaan perubatan yang **Anda** telah ketahui dalam tempoh dua belas (12) bulan sebelum tarikh mula **Polisi** ini. **Anda** dianggap telah mengetahui tentang **Keadaan Pra-Wujud** di mana keadaan tersebut adalah salah satu daripada berikut:

- a) **Anda** telah menjalani diagnosis; atau
- b) wujud gejala-gejala yang akan menyebabkan orang biasa yang prihatin tentang soal kesihatan akan pergi mendapatkan diagnosis, penjagaan atau rawatan; atau
- c) nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan yang telah disarankan oleh **Pengamal Perubatan**, tanpa mengambil kira sama ada rawatan sebenarnya telah diterima sebelum tarikh mula **Polisi** ini; atau
- d) **Anda** telah atau sedang menerima rawatan.

## HILANG UPAYA KEKAL KESELURUHAN

bermaksud hilang upaya fizikal akibat **Kecederaan** dan bermula dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh **Kecederaan** anggota badan, **Anda** hilang upaya secara menyeluruh, berterusan dan kekal selama dua belas (12) bulan berterusan dan dihalang daripada menjalankan tiga (3) atau lebih **Aktiviti Kehidupan Seharian** sebagaimana dinyatakan di bawah ini yang biasanya dilakukan dalam kehidupan seharian **Anda** sekiranya hilang upaya sedemikian tidak berlaku dan tiada harapan untuk pulih.

## AKTIVITI KEHIDUPAN SEHARIAN

bermaksud

- a) Pemindahan: Berupaya untuk duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
- b) Mobiliti: Keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan sebarang bantuan fizikal.
- c) Pengawalan Diri: Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara semula jadi seperti untuk menjaga kebersihan diri.
- d) Memakai Pakaian: Memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- e) Mandi/Membersihkan Diri: Keupayaan untuk membersihkan diri di bilik mandi atau mandi pancuran (meliputi pergerakan masuk atau keluar dari bilik mandi atau mandi pancuran) atau membersihkan diri melalui apa jua cara.
- f) Makan: Semua pergerakan untuk memasukkan makanan ke dalam badan selepas makanan telah disediakan.

## KANDUNGAN ISI RUMAH

bermaksud perabot, lekapan, kelengkapan dan hiasan isi rumah, pakaian dan barang-barang peribadi milik **Orang Yang Diinsuranskan** atau ahli keluarga atau pembantu rumah yang tinggal secara tetap dengan **Orang Yang Diinsuranskan**, tidak termasuk barangan antik, lukisan, artifak, objek seni atau bernilai intrinsik, manuskrip, sekuriti kewangan dalam apa jua bentuk, wang, setem, dokumen perjalanan, kad kredit, bon, kupon, instrumen boleh niaga, surat ikatan hak milik, lesen memandu dan kad pengenalan.

## JADUAL

bermaksud **Polisi/Jadual** pengendorsan/sijil insurans, di mana butiran, faedah-faedah dan jumlah diinsuranskan **Anda** dinyatakan.

## JADUAL FAEDAH

bermaksud dokumen yang dimasukkan dan membentuk sebahagian daripada **Polisi** ini yang mengandungi butiran faedah-faedah **Polisi** ini, mengikut jenis pelan yang dibeli sebagaimana dinyatakan dalam **Jadual**.

## KECEDERAAN SERIUS ATAU PENYAKIT SERIUS

Apabila merujuk kepada **Anda**, ia bermaksud **Anda** memerlukan rawatan daripada **Pengamal Perubatan** di **Hospital** dan disahkan oleh **Pengamal Perubatan** sebagai tidak sihat untuk mengembara atau meneruskan rancangan perjalanan **Anda**. Apabila merujuk kepada **Ahli Keluarga Terdekat** atau **Teman Perjalanan**, ia akan bermaksud **Kecederaan** atau **Penyakit** yang disahkan oleh **Pengamal Perubatan** sebagai berbahaya yang boleh membawa maut dan beliau dimasukkan ke hospital sekurang-kurangnya dua puluh empat (24) jam berturut-turut dan mengakibatkan rancangan perjalanan **Anda** dibatalkan atau ditamatkan.

## SUAMI/ISTERI

bermaksud pasangan suami/isteri sah **Pihak Diinsuranskan** sebagaimana ditakrifkan dibawah undang-undang Malaysia, dan seperti dinamakan dalam **Jadual**.

## TEMAN PERJALANAN

bermaksud orang yang didaftarkan untuk perjalanan ini bersama **Anda** dan mempunyai tempahan perjalanan bagi menemani **Anda** untuk sepanjang perjalanan dan bukan **Ahli Keluarga Terdekat Anda**. **Teman Perjalanan** mestilah orang yang diinsuranskan di bawah polisi insurans perjalanan yang diunderait oleh **Kami** untuk perjalanan yang sama.

## KECURIAN

bermaksud kehilangan kekal harta benda:

- di mana terdapat bukti kejadian pecah masuk ke dalam premis (jika berkenaan); atau
- di mana harta benda **Anda** diambil atau cuba diambil secara paksaan dengan menyebabkan atau cuba untuk menyebabkan kematian, penahanan salah atau menimbulkan rasa ketakutan yang seumpamanya; atau
- di mana harta benda diambil secara paksaan di mana-mana tempat yang boleh diakses oleh orang awam secara bebas. Perbuatan meragut sedemikian akan mengandungi unsur-unsur perlakuan yang dibuat secara senyap-senyap dan mengejut; atau
- di mana harta benda diambil daripada saku, beg atau dompet di mana-mana tempat yang boleh diakses oleh orang awam secara bebas. Perbuatan meragut sedemikian akan mengandungi unsur-unsur perlakuan yang dibuat secara senyap-senyap dan mengejut.

## KAMI/KITA

bermaksud AmGeneral Insurance Berhad.

## 2

## Faedah

### FAEDAH 1 – KEMALANGAN DIRI

Sekiranya berlaku kematian atau kecederaan anggota badan dialami oleh **Anda** yang terjadi secara tunggal dan langsung oleh sebab kemalangan, ganas, luaran dan jelas semasa **Tempoh Insurans**, faedah-faedah berikut akan dibayar mengikut pelan yang dipilih:

- |  |                                      |
|--|--------------------------------------|
| A) Kematian Akibat Kemalangan  | – 100% daripada jumlah diinsuranskan |
| B) Hilang Upaya Kekal Keseluruhan  | – 100% daripada jumlah diinsuranskan |
| C) Kehilangan satu atau lebih Anggota Badan atau kehilangan penglihatan satu atau kedua-dua belah Mata | – 100% daripada jumlah diinsuranskan |

## PENGECUALIAN KEPADA FAEDAH 1

- i) **Keadaan Pra-Wujud.**
- ii) **Kecederaan** anggota badan dialami sebelum pembelian **Polisi** ini dan yang boleh merebak selepas pembelian **Polisi** ini.
- iii) Bunuh diri (sama ada feloni atau tidak) dan/atau sebarang percubaan membunuh diri, **Kecederaan** diri yang disengajakan dan/atau serangan yang didorong.

## PERUNTUKAN

- i) Tiada faedah akan dibayar:
  - a) Di bawah (A) atau (B) melainkan kematian atau kehilangan berkenaan berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh **Kecederaan** anggota badan.
  - b) Di bawah (C) kecuali terdapat bukti diberikan kepada **Kami** bahawa hilang upaya tersebut telah berterusan selama dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh **Kecederaan** anggota badan dan dalam semua kebarangkalian akan berterusan sepanjang hayat **Anda**.
- ii) Untuk Pelan Keluarga, had faedah di bawah (A) bagi **Anak Anda** adalah 25% daripada had faedah orang dewasa.
- iii) Untuk pelan individu, sekiranya **Anda** berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas, had faedah di bawah (A) adalah had faedah orang dewasa. Sekiranya **Anda** berumur kurang daripada lapan belas (18) tahun, had faedah adalah 25% daripada had faedah orang dewasa.
- iv) Jumlah maksimum bagi semua faedah yang boleh dibayar di bawah Faedah 1 dalam **Tempoh Insurans** tidak akan melebihi had sebagaimana dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

## FAEDAH 2 – PERBELANJAAN PERUBATAN DAN LAIN-LAIN

**Kami** akan membayar balik/membayar sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual Faedah**.

### FAEDAH 2A – Perbelanjaan Perubatan

Perbelanjaan perubatan, kemasukan ke hospital, pembedahan dan rawatan (termasuk kos rawatan kecemasan perigian bagi mengurangkan kesakitan yang dialami secara tiba-tiba tidak termasuk penggantian gigi palsu dan korona) yang diperlukan di **Luar Negara** yang membawa kepada tuntutan **Kecederaan** anggota badan akibat Kemalangan atau **Penyakit** yang dialami oleh **Anda** dalam **Tempoh Insurans**.

### FAEDAH 2B – Faedah Lawatan Ehsan (Akibat Orang Yang Diinsuranskan Dihospitalkan ketika di Luar Negara)

Perbelanjaan tambahan penginapan dan perjalanan bagi seorang saudara atau rakan (sekiranya tiada orang dewasa **Ahli Keluarga Terdekat** bersama **Anda**) yang diperlukan atas nasihat perubatan daripada **Pengamal Perubatan** yang merawat untuk membuat perjalanan atau menemani **Anda** tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah** kerana penghospitalan **Anda** akibat keadaan yang dilindungi.

Walaupun bagaimanapun, **Kami** akan membayar perbelanjaan tambahan untuk penginapan dan perjalanan bagi seorang dewasa **Ahli Keluarga Terdekat Anda** yang mengembara bersama **Anda** dan perlu menjaga penghospitalan **Anda** akibat keadaan yang dilindungi.

### FAEDAH 2C – Faedah Lawatan Ehsan (Akibat Kematian Orang Yang Diinsuranskan ketika di Luar Negara)

Perbelanjaan tambahan penginapan dan perjalanan bagi seorang saudara atau rakan yang diperlukan untuk membantu dalam urusan pengebumian atau pembakaran mayat sekiranya kematian **Anda** disebabkan oleh **Kemalangan** atau **Penyakit** ketika di **Luar Negara** yang berlaku dalam **Tempoh Insurans**, dan ketika itu tiada orang dewasa **Ahli Keluarga Terdekat** bersama **Anda**. Pembayaran balik adalah tertakluk kepada had sebagaimana dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

Walaupun bagaimanapun, **Kami** akan membayar perbelanjaan tambahan untuk penginapan dan perjalanan bagi seorang dewasa **Ahli Keluarga Terdekat Anda** yang mengembara bersama **Anda** untuk membantu dalam urusan pengebumian atau pembakaran mayat akibat keadaan yang dilindungi.

**Anda** hanya boleh menuntut Faedah 2B atau Faedah 2C untuk mana-mana satu kejadian.

### FAEDAH 2D – Rawatan Perubatan Lanjutan Di Malaysia

Perbelanjaan perubatan, hospital dan rawatan yang diperlukan (termasuk kos ambulans persendirian atau yuran penjagaan jururawat profesional) yang ditanggung secara munasabah oleh **Anda** di Malaysia dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas **Anda** pulang dari **Luar Negara**, di mana perbelanjaan tersebut adalah disebabkan oleh **Kemalangan** atau **Penyakit** semasa di **Luar Negara** yang berlaku dalam **Tempoh Insurans** sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

### FAEDAH 2E – Perubatan Alternatif

Perbelanjaan rawatan perubatan alternatif yang diperlukan dan ditanggung di **Luar Negara** akibat daripada **Kemalangan** sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**, di mana rawatan tersebut mestilah disediakan oleh pengamal perubatan tradisional, ahli osteopati, ahli fisioterapi dan/atau ahli kiropraktor yang berdaftar dengan syarat rawatan yang pertama telah dirawat oleh **Pengamal Perubatan**. Sebarang rawatan



yang disediakan oleh **Ahli Keluarga Terdekat** atau saudara **Anda** akan dikecualikan. Semua tuntutan mestilah disertakan dengan resit rasmi yang asal. **Kami** akan membayar balik rawatan perubatan alternatif susulan yang disediakan oleh pengamal perubatan tradisional, ahli osteopati, ahli fisioterapi dan/atau ahli kiropraktor kepada **Anda** di Malaysia dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas **Anda** pulang dari **Luar Negara**.

## FAEDAH 2F – Faedah Penjagaan Anak

Perbelanjaan tambahan penginapan dan perjalanan yang ditanggung sehingga had yang dinyatakan dalam **Jadual Faedah** untuk **Ahli Keluarga Terdekat Anda**, saudara atau rakan (sekiranya tiada orang dewasa untuk menemani **Anak-anak Anda**) yang dibawa bersama **Anda**, yang diperlukan atas nasihat perubatan daripada **Pengamal Perubatan** yang merawat **Anda** untuk menjaga dan menemani **Anak-anak Anda** pulang ke Malaysia jika **Anda** dimasukkan ke hospital akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** di **Luar Negara** yang berlaku dalam **Tempoh Insurans**.

Walaupun bagaimanapun, **Kami** akan membayar perbelanjaan tambahan untuk penginapan dan perjalanan bagi seorang dewasa **Ahli Keluarga Terdekat Anda** yang mengembara bersama dan perlu menjaga **Anak-anak Anda**.

### PENGECCUALIAN KEPADA FAEDAH 2:

- i) Rawatan perubatan di Malaysia (kecuali dari Sabah/Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya) kecuali dinyatakan secara khusus di bawah **Polisi** ini.
- ii) Rawatan atau pembedahan yang tidak diperlukan, atau caj tambahan bagi bilik persendirian, penginapan, kecuali diperlukan dari segi perubatan.
- iii) Rawatan perubatan yang menjadi tujuan khusus bagi perjalanan.
- iv) **Keadaan Pra-Wujud**.
- v) Kehamilan, keguguran atau kelahiran bayi.
- vi) Pertukaran pekerjaan ke **Luar Negara** sebagai sebahagian daripada pekerjaan **Anda** dan tugas manual yang berkaitan dengan mana-mana perdagangan, pekerjaan atau profesion.
- vii) Rawatan pembedahan, perubatan atau pergigian yang menurut pendapat **Pengamal Perubatan** yang merawat **Anda** boleh ditangguhkan sewajarnya sehingga **Anda** pulang ke Malaysia (kecuali dinyatakan secara khusus dalam Faedah 2D).
- viii) Perjalanan **Anda** adalah bertentangan dengan nasihat yang diberi oleh **Pengamal Perubatan** dan/atau mengembara untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan.

## FAEDAH 3 – ELAUN HOSPITAL

Bayaran sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

Sekiranya **Anda** dimasukkan ke **Hospital** di **Luar Negara** sebagai pesakit dalaman disebabkan **Kecederaan** anggota badan akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** yang dialami semasa di **Luar Negara** dalam **Tempoh Insurans**, **Kami** akan membayar **Anda** sebagaimana dinyatakan di dalam **Jadual Faedah** untuk setiap hari penuh penghospitalan sehingga tempoh maksimum tiga puluh (30) hari.

### PENGECCUALIAN KEPADA FAEDAH 3:

- i) **Kecederaan** anggota badan dialami sebelum pembelian **Polisi** ini dan yang boleh merebak selepas pembelian **Polisi** ini.
- ii) Rawatan atau bantuan yang diterima di Malaysia.
- iii) Rawatan pembedahan atau perubatan yang menurut pendapat **Pengamal Perubatan** yang merawat **Anda** boleh ditangguhkan sewajarnya sehingga **Anda** pulang ke Malaysia.
- iv) **Keadaan Pra-Wujud**.
- v) Kehamilan, keguguran atau kelahiran bayi.
- vi) Perjalanan **Anda** adalah bertentangan dengan nasihat yang diberi oleh **Pengamal Perubatan** dan/atau mengembara untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan.

## FAEDAH 4 – BAGASI DAN BARANGAN PERIBADI

Bayaran sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

**Kami** akan membayar balik untuk kehilangan atau kerosakan pada bagasi yang dibawa dan/atau dibeli dalam perjalanan (termasuk pakaian dan barangan milik peribadi yang dipakai atau dibawa bersama **Anda**), yang berlaku semasa dalam perjalanan **Anda** dan dimiliki oleh **Anda**.

Sekiranya **Anda** membuat pembelian untuk menggantikan barang hilang yang sama bandingnya, **Kami** akan membayar kos penggantian tersebut dengan syarat barangan hilang berkenaan hendaklah berusia tidak lebih daripada dua (2) tahun pada tarikh kehilangannya. Jika **Anda** tidak dapat membuktikan usia barangan hilang dan jika barangan berkenaan berusia lebih daripada dua (2) tahun, atau jika barangan berkenaan tidak digantikan, **Kami** akan menentukan tuntutan tersebut berdasarkan nilai pembelian asal barangan berkenaan tertakluk kepada susut nilai kerana haus dan lusuh atau kos pembaikan, yang mana lebih kurang.



Jika mana-mana barangan berkenaan ternyata tidak boleh diperbaiki, tuntutan akan diuruskan di bawah **Polisi** ini seperti mana barangan tersebut telah hilang.

Jika berlaku kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana harta benda yang diinsuranskan yang membentuk sebahagian daripada pasangan atau set, liabiliti **Kami** tidak akan melebihi nilai perkadaran setimpal mana-mana bahagian pasangan atau set tersebut.

**Kami** tidak akan menanggung liabiliti yang melebihi RM500 bagi setiap barangan, pasangan atau set barangan tersebut.

**Anda** hanya boleh menuntut Faedah 4 atau Faedah 6 untuk mana-mana satu kejadian.

#### **PENGECCUALIAN KEPADA FAEDAH 4:**

- (i) Kerugian atau kerosakan kepada setem, dokumen, kanta sentuh atau kanta kornea, kerosakan kepada barangan mudah pecah seperti kamera, telefon bimbit, PDA, cermin mata, iPad, notebook, komputer, komputer riba dan seumpamanya, retakan, calar atau kepecahan kaca, porselin, marmar, tembikar atau kulit kura-kura atau kepecahan mentol atau tiub kaca melainkan disebabkan oleh kebakaran, kecurian, pecah rumah, rompakan atau sebarang percubaan seumpamanya atau kemalangan kenderaan.
- ii) Barang-barang perniagaan, sampel, barangan makanan dan barangan boleh dimakan.
- iii) Haus dan lusuh secara normal, kerosotan beransur-ansur atau kerosakan atau gangguan mekanikal atau elektronik.
- iv) Kos untuk menghasilkan semula data sama ada dalam bentuk pita, kad, dan cakera atau sebaliknya.
- v) Di mana **Anda** menerima bayaran pampasan daripada **Pengangkutan Awam** atau pihak-pihak berkuasa lain.
- vi) Kehilangan atau kerosakan akibat kecurian daripada kenderaan yang tidak dijaga kecuali ia di luar kawasan penglihatan dalam bonet kenderaan yang telah dikunci sepenuhnya dan di mana tingkap kenderaan telah ditutup dan terdapat bukti jelas pecah masuk secara paksaan.
- vii) Kehilangan misteri.
- viii) Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh rampasan atau penahanan oleh pihak kastam atau mana-mana pihak berkuasa.
- ix) Kehilangan atau kerosakan akibat kecuaiian **Anda**.

#### **FAEDAH 5 – KEHILANGAN WANG DAN/ATAU DOKUMEN PERJALANAN**

Bayaran sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah** untuk:

- a) Kehilangan **Wang** dan/atau
- b) Kos mendapatkan penggantian dokumen perjalanan termasuk perbelanjaan perjalanan dan penginapan tambahan yang sewajarnya ditanggung di **Luar Negara** yang diperlukan untuk meneruskan dan melengkapkan perjalanan **Anda** yang disebabkan oleh kecurian ketika berada di **Luar Negara** dalam **Tempoh Insurans**. Bagi kehilangan sedemikian, **Anda** hendaklah melaporkan kepada pihak polis di tempat berlakunya kehilangan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas berlakunya kejadian dan **Anda** mestilah mendapatkan satu laporan polis untuk menyokong tuntutan tersebut.

#### **PENGECCUALIAN KEPADA FAEDAH 5:**

- i) Kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh penangguhan, rampasan, penahanan oleh pihak kastam atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan.
- ii) Kehilangan **Wang** dalam peti simpanan hotel tanpa unsur pecah masuk secara paksaan dan keganasan kepada peti simpanan.
- iii) Kehilangan **Wang** disebabkan kekurangan, kesilapan, pengabaian, pertukaran atau susut nilai.
- iv) Kehilangan **Wang** / dokumen perjalanan yang ditinggalkan tanpa jagaan di tempat awam atau akibat kegagalan **Anda** untuk mengambil langkah berhati-hati dan berwaspada untuk melindungi dan menjaga **Wang** / dokumen perjalanan tersebut.
- iv) Di mana **Anda** telah menerima bayaran pampasan daripada **Pengangkutan Awam** atau pihak-pihak berkuasa lain.
- v) Kehilangan atau kerosakan ketika dalam jagaan syarikat penerbangan atau syarikat pengangkutan lain, melainkan dilaporkan serta-merta selepas diketahui dan dalam hal yang membabitkan syarikat penerbangan, dapatkan Laporan Penyimpangan Harta ('Property Irregularity Report').
- vi) Tiket penerbangan tambahan untuk pulang ke Malaysia.

#### **WARANTI:**

**Wang** hendaklah disimpan bersama **Anda** sepanjang masa melainkan apabila disimpan di dalam peti keselamatan hotel.

#### **FAEDAH 6 – KELEWATAN BAGASI**

Bayaran sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

**Syarikat** akan membayar RM250 bagi setiap kelewatan selama enam (6) jam penuh dan berturut-turut jika bagasi **Anda** yang didaftar masuk lewat tiba oleh pengendali **Pengangkutan Awam** dari masa ketibaan ke destinasi yang dijadualkan di **Luar Negara** sehingga **Anda** menerima semula bagasi tersebut sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

Kelewatan tersebut hendaklah dilaporkan kepada pengendali **Pengangkutan Awam** dengan segera. Pengesahan secara bertulis oleh pengendali **Pengangkutan Awam** atau ejen-ejen pengendalian mereka dan/atau lain-lain dokumen bukti mengenai jumlah jam kelewatan diperlukan.

**Anda** hanya boleh Menuntut Faedah 4 atau Faedah 6 untuk mana-mana satu kejadian.

## FAEDAH 7 – KELEWATAN PERJALANAN

Bayaran sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

Sekiranya pesawat atau kapal laut atau **Pengangkutan Awam** di mana **Anda** telah diatur untuk perjalanan tertanggung bagi tempoh sekurang-kurangnya enam (6) jam berturut-turut di mana-mana satu destinasi dari masa yang dinyatakan dalam jadual perjalanan yang diberikan kepada **Anda**, **Kami** akan membayar RM250 bagi setiap kelewatan enam (6) jam penuh dan berturut-turut (kelewatan dikira dari masa pesawat atau kapal laut atau **Pengangkutan Awam** berlepas yang dinyatakan dalam jadual perjalanan).

Kelewatan perjalanan mestilah disahkan oleh pengendali **Pengangkutan Awam** berjadual atau ejen-ejen pengendalinya untuk jumlah jam kelewatan. Jika **Anda** menerima bayaran pampasan sama ada penuh atau sebahagian daripada mana-mana sumber, maka faedah ini hanya akan dibayar tertakluk kepada lebihan jumlah yang diperolehi daripada sumber lain.

Sekiranya **Anda** terlepas penerbangan sambungan pesawat berjadual yang disahkan di tempat pindahan akibat kelewatan ketibaan penerbangan sambungan pesawat berjadual **Anda** dan tiada penerbangan alternatif tersedia untuk **Anda** dalam tempoh empat (4) jam dari masa ketibaan sebenar penerbangan pesawat udara tersebut, **Kami** akan membayar RM250.

Butiran mengenai terlepas sambungan perjalanan mestilah disahkan oleh pengendali penerbangan berjadual atau ejen-ejen pengendalinya.

### PENGECUALIAN KEPADA FAEDAH 7:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada:

- i) Kegagalan **Anda** untuk mendaftar masuk mengikut jadual penerbangan yang diberikan kepada **Anda**, dan kegagalan mendapat pengesahan bertulis daripada **Pengangkutan Awam** atau ejen pengendali mereka mengenai jumlah jam kelewatan/terlepas sambungan pesawat tersebut.
- ii) Kelewatan perjalanan akibat mogok atau tindakan industri yang wujud atau telah diumumkan sebelum tarikh insurans ini dibeli.
- iii) Kelewatan ketibaan **Anda** di lapangan terbang atau pelabuhan selepas masa untuk daftar masuk atau tempahan (kecuali kelewatan tersebut disebabkan oleh mogok atau tindakan industri).
- iv) Kerosakan mekanikal atau struktur pada mana-mana kenderaan darat (kecuali keretapi/rel).
- v) Sebarang kelewatan yang **Anda** ketahui dua puluh empat (24) jam sebelum pelepasan berjadual sebenar seperti dinyatakan dalam tiket atau jadual perjalanan.
- vi) Masalah operasi **Pengangkutan Awam** atau lapangan terbang.

## FAEDAH 8 – LIABILITI DIRI

Bayaran sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

**Kami** akan memberi indemniti kepada **Anda** bagi liabiliti undang-undang terhadap pihak ketiga yang timbul semasa **Tempoh Insurans** akibat:

- a) **Kecederaan** anggota badan yang tidak disengajakan kepada pihak ketiga.
- b) Kehilangan atau kerosakan yang tidak disengajakan kepada harta benda pihak ketiga.

Selain itu, **Kami** juga memberi indemniti kepada **Anda** bagi:

- a) Jumlah yang **Anda** kena tanggung untuk pihak ketiga; dan/atau
- b) Kos dan perbelanjaan yang ditanggung untuk mempertahankan tuntutan tertakluk kepada kebenaran bertulis dan kelulusan **Kami**.

### PENGECUALIAN KEPADA FAEDAH 8:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada, berkaitan dengan atau akibat daripada:

- i) Liabiliti majikan, liabiliti kontrak atau liabiliti akibat tindakan mana-mana ahli keluarga **Anda**.
- ii) Haiwan kepunyaan, atau dalam peliharaan, jagaan atau kawalan **Anda**.
- iii) Sebarang tindakan yang disengajakan, berniat jahat atau menyalahi undang-undang.
- iv) Penglibatan dalam perdagangan, perniagaan atau pekerjaan.
- v) Pemilikan atau penghunian tanah atau bangunan (selain daripada penghunian hanya untuk tempat kediaman sementara).
- vi) Pemilikan, kepunyaan atau penggunaan kenderaan, pesawat udara atau kapal air.
- vii) Pendakian gunung, perlumbaan meluncur dalam acara-acara utama, terjun luncur, hoki ais, penggunaan bobsleighs atau rangka, menunggang atau memandu dalam perlumbaan atau rali atau penggunaan senjata api.
- viii) Kos undang-undang yang timbul daripada apa-apa prosiding jenayah.

- ix) Penghakiman yang bukan pertama-tama diberi oleh atau diterima daripada mahkamah bidang kuasa kompeten di Malaysia.

#### SYARAT-SYARAT TERPAKAI KEPADA FAEDAH 8

Melainkan dengan kebenaran bertulis daripada **Kami**, tiada sesiapa berhak untuk mengakui liabiliti bagi pihak **Anda** atau untuk memberi apa-apa kenyataan atau persetujuan yang mengikat ke atas **Anda**. **Kami** berhak untuk mengendalikan semua prosiding yang timbul daripada atau berkaitan dengan tuntutan atas nama **Anda** dan untuk mengarahkan peguam-peguam yang **Kami** pilih bagi melaksanakan tujuan ini.

#### FAEDAH 9 – KEHILANGAN DEPOSIT ATAU PEMBATALAN/PEMENDAKAN PERJALANAN

Bayaran sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

##### FAEDAH 9A – Kehilangan Deposit Atau Pembatalan

Kehilangan deposit yang tidak dapat ditebus atau bayaran yang dibuat terlebih dahulu atau bayaran yang perlu dibayar untuk faedah **Anda** sahaja sekiranya terjadi pembatalan yang tidak dapat dielak atau dianggap perlu oleh **Anda** akibat daripada sebab-sebab yang di luar kawalan **Anda** yang berlaku selepas insurans ini berkuat kuasa yang disebabkan oleh mana-mana satu kejadian berikut:

- Anda** dan/atau **Ahli Keluarga Terdekat Anda** dan/atau **Teman Perjalanan Anda** mengalami kematian, **Kecederaan Serius atau Penyakit Serius**. Sijil kematian atau notis bertulis mesti diperolehi daripada **Pengamal Perubatan** yang merawat **Anda** dan/atau **Ahli Keluarga Terdekat Anda** dan/atau **Teman Perjalanan Anda** mengesahkan perjalanan yang dirancang harus dibatalkan disebabkan oleh **Kecederaan Serius atau Penyakit Serius**.
- Meletusnya kejadian mogok, rusuhan atau kekacauan awam yang tidak dijangka yang berlaku di luar kawalan **Anda** di destinasi yang dirancang.
- Saman saksi yang tidak diketahui oleh **Anda** sebelum membeli insurans ini.
- Kerosakan serius kepada tempat kediaman **Anda** di Malaysia disebabkan oleh kebakaran, banjir atau bencana alam seumpamanya yang berlaku seminggu sebelum tarikh perjalanan dan jika kehadiran **Anda** di premis tersebut diperlukan pada tarikh mula perjalanan.

**Kami** tidak akan membayar untuk sebarang kerugian jika insurans ini tidak dibeli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh mula perjalanan.

##### FAEDAH 9B – Pemendekan Perjalanan

Bayaran balik mengikut perkadaran yang setimpal dengan perbelanjaan yang telah dibayar untuk percutian yang dirancang dan tidak boleh dipulangkan sebagaimana dinyatakan dalam bil tempahan, dikira atas dasar pro rata dari tarikh ketibaan di Malaysia bagi setiap hari penuh kerugian percutian yang dirancang, disebabkan oleh **Pemendekan Perjalanan** percutian dirancang yang tidak dapat dielakkan (sebagaimana ditakrifkan) atas sebab salah satu kejadian berikut:

- Anda** mengalami **Kecederaan Serius atau Penyakit Serius** dan selepas mendapat nasihat perubatan.
- Kematian yang tidak dijangka, **Kecederaan Serius atau Penyakit Serius** yang berlaku ke atas **Ahli Keluarga Terdekat Anda** atau **Teman Perjalanan Anda**.
- Rampasan** kapal terbang di mana **Anda** menaikinya sebagai penumpang berbayar.
- Bencana alam yang menghalang **Anda** daripada meneruskan perjalanan **Anda** yang dirancang.
- Kerosakan serius kepada tempat kediaman **Anda** di Malaysia disebabkan oleh kebakaran, banjir atau bencana alam seumpamanya yang memerlukan kehadiran **Anda** di premis tersebut.
- Meletusnya kejadian mogok, rusuhan atau kekacauan awam yang tidak dijangka dan berlaku semasa perjalanan yang berada di luar kawalan **Anda** di destinasi yang dirancang yang boleh membahayakan nyawa **Anda**.

Perlu diingatkan bahawa sijil perubatan hendaklah diperolehi daripada **Pengamal Perubatan** yang merawat **Anda** bagi mengesahkan kepulangan **Anda** ke Malaysia adalah atas sebab **Kecederaan Serius atau Penyakit Serius**.

**Anda** hanya boleh menuntut Faedah 9A atau Faedah 9B untuk mana-mana satu kejadian.

#### PENGECUALIAN KEPADA FAEDAH 9:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- Keperluan, peraturan atau akta mana-mana kerajaan, kelewatan atau pindaan jadual perjalanan yang ditempah, atau kegagalan dalam peruntukan mana-mana bahagian perjalanan yang ditempah (termasuk kesilapan, pengabaian atau kemungkiran) oleh penyedia atau mana-mana pihak yang menyediakan perkhidmatan bagi percutian yang ditempah serta ejen atau pengendali pelancongan di mana percutian ini ditempah.
- Keberatan **Anda** untuk mengembara atau keadaan kewangan **Anda**.
- Sebarang perbuatan yang menyalahi undang-undang atau prosiding jenayah terhadap **Anda** yang membuat tempahan perjalanan melainkan disepina sebagai saksi di mahkamah.

- iv) Kegagalan untuk memaklumkan kepada ejen perjalanan atau pengendali pelancongan atau penyedia pengangkutan atau penginapan dengan serta-merta sebaik sahaja timbul keperluan untuk membatalkan atau memendekkan perjalanan.
- v) Obligasi perniagaan, kewangan atau kontrak **Anda** atau **Teman Perjalanan Anda**.
- vi) Sebarang kerugian yang boleh dituntut daripada mana-mana pihak berkaitan.
- vii) Pembatalan penerbangan oleh **Pengangkutan Awam**.

## FAEDAH 10 – RAMPASAN

Bayaran sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

Sekiranya pesawat atau kapal laut atau keretapi/rel berjadual yang dinaiki oleh **Anda** dirampas atau tertakluk kepada kawalan orang-orang atau sekutu-sekutu yang membuat **Rampasan**, **Kami** akan membayar jumlah sebagaimana dinyatakan di dalam **Jadual Faedah** dengan syarat bahawa:

- a) **Rampasan** mestilah berlaku dalam tempoh melebihi dua puluh empat (24) jam berturut-turut dan RM1,250 akan dibayar bagi setiap dua puluh empat (24) jam penuh dan berturut-turut.
- b) Dokumen rasmi daripada syarikat penerbangan atau kapal laut atau syarikat keretapi, pihak polis atau tentera hendaklah dikemukakan sebagai sokongan bagi mana-mana tuntutan yang dibuat di bawah faedah ini yang menyatakan tarikh, masa dan tempoh **Rampasan**.
- c) **Anda** atau ahli keluarga **Anda** bukan sebahagian daripada anggota perampas.

## FAEDAH 11 – PEMINDAHAN PERUBATAN KECEMASAN DAN PENGHANTARAN BALIK

**Kami** akan menguruskan dan membayar perbelanjaan yang perlu ditanggung oleh **Anda** bagi pengangkutan kecemasan dan penjagaan perubatan dalam perjalanan untuk memindahkan **Anda** yang berada dalam keadaan perubatan kritikal disebabkan oleh **Kemalangan** atau **Penyakit** semasa berada di **Luar Negara** dari **Hospital** yang mula-mula dimasukkan ke **Hospital** yang terdekat di mana kemudahan dan rawatan tersedia ada. Sekiranya **Anda** dimasukkan ke hospital di **Luar Negara** akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** dan adalah perlu dari segi perubatan untuk **Anda** dihantar balik ke Malaysia termasuk dari Sabah/Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya untuk rawatan lanjutan, **Kami** akan menguruskan dan membayar kos penghantaran balik yang munasabah dan diperlukan termasuk kos pengangkutan yang munasabah bagi seorang pembantu perubatan berkelayakan untuk menemani **Anda**. **Kami** akan membayar sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah** bagi faedah ini tertakluk kepada peruntukan, pengecualian dan syarat-syarat **Polisi**.

**Kami** telah melantik Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. sebagai penyedia perkhidmatan dua puluh empat (24) jam bagi Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Balik ketika **Anda** berada di **Luar Negara**. Selain itu, **Anda** juga boleh menghubungi Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. untuk mendapatkan nasihat perubatan melalui telefon, rujukan penyedia perkhidmatan perubatan dan inokulasi serta maklumat keperluan visa sebelum perjalanan.

Sekiranya berlaku pemindahan perubatan dan penghantaran balik, **Anda** mestilah menghubungi Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd di talian 03-7841 5750 / 03-7628 3770 untuk mendapatkan bantuan dan:

- a) **Kami** atas nasihat Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. dalam melaksanakan Pemindahan Perubatan Kecemasan dan Penghantaran Balik akan kedua-dua pihak mempunyai hak mutlak untuk membuat keputusan sama ada **Anda** mengalami keadaan perubatan yang kritikal dan serius akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** untuk mewajarkan pemindahan perubatan dan penghantaran balik. **Kami** dan Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. selanjutnya berhak untuk memutuskan tempat ke mana **Anda** akan dipindahkan dan cara atau kaedah untuk pengangkutan dan penghantaran balik.
- b) **Kami**, melalui Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd., akan sedaya upaya atas dasar usaha terbaik menyediakan perkhidmatan dan tertakluk kepada ketersediaan sumber tempatan dan/atau antarabangsa dan mesti mengikut bidang undang-undang dan peraturan negara dan antarabangsa. Campur tangan boleh bergantung kepada Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. dalam mendapatkan kebenaran yang perlu dikeluarkan oleh beberapa pihak berkuasa berkaitan, yang berada di luar kawalan atau pengaruh Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd.
- c) **Kami** tidak boleh menyediakan perkhidmatan kepada **Anda**, yang pada pendapat mutlak **Kami** dan Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. berada di kawasan-kawasan di mana keadaan semasanya memustahilkan perkhidmatan diberi, secara munasabah tidak sesuai dilaksanakan atau tidak selamat, termasuk tetapi tidak terbatas kepada lokasi geografi terpencil, keadaan cuaca yang buruk, risiko peperangan atau pergolakan politik.
- d) **Kami** tidak akan bertanggungjawab atau berkewajipan dalam apa cara sekalipun sekiranya berlaku sebarang kegagalan oleh Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. untuk memberikan perkhidmatan atau apa-apa kecuaian, yang disengajakan atau tidak disengajakan, dengan pihak Asia Assistance Network (M) Sdn. Bhd. dalam memberikan perkhidmatan.
- e) Dalam hal penyedia perkhidmatan berhenti untuk menyediakan perkhidmatan, **Kami** berhak untuk melantik penyedia perkhidmatan lain bagi menyambung penyediaan perkhidmatan berkenaan.
- f) Faedah ini tidak dijamin dan **Kami** berhak untuk menyemak semula, menggantung, memansuhkan atau membatalkan faedah ini pada bila-bila masa dengan menghantar notis bertulis memaklumkan yang sama kepada **Anda** di alamat **Anda** yang terakhir diketahui sebagaimana yang dimaklumkan kepada **Kami**. Dalam keadaan sedemikian, premium akan diselaraskan dengan sewajarnya, sekiranya difikirkan perlu oleh **Kami**.

## FAEDAH 12 – PENGHANTARAN BALIK JENAZAH

Seciranya berlaku kematian **Anda** akibat **Kemalangan** atau **Penyakit** dalam **Tempoh Insurans** semasa di **Luar Negara**, **Kami** akan membayar balik kos munasabah untuk menghantar balik jenazah **Anda** ke Malaysia termasuk dari Sabah/Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya. Di mana berkenaan, **Kami** akan membayar balik caj munasabah untuk pengebumian atau pembakaran mayat di tempat di mana berlaku kematian **Anda** termasuk kos munasabah pengangkutan untuk membawa balik abu mayat **Anda** ke Malaysia termasuk dari Sabah/Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

### PENGECCUALIAN KEPADA FAEDAH 12:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- i) Sebarang perbelanjaan yang ditanggung bagi perkhidmatan yang disediakan oleh pihak lain, di mana **Anda** tidak berkewajipan untuk membayar, dan
- ii) Sebarang perbelanjaan bagi perkhidmatan yang tidak diluluskan oleh **Kami**.

## FAEDAH 13 – LEBIHAN PENEMPAHAN PENERBANGAN

**Kami** akan membayar RM200 untuk setiap enam (6) jam penuh dan berturut-turut atas kelewatan sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**, jika **Anda** tidak dibenarkan menaiki pesawat pengangkutan udara komersial berjadual akibat lebih tempahan, dan tiada pengangkutan gantian diberikan dalam tempoh enam (6) jam penuh dan berturut-turut dari masa pelepasan asal pesawat yang dinyatakan di dalam jadual penerbangan bercetak.

### PENGECCUALIAN KEPADA FAEDAH 13:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- i) Perjalanan diuruskan oleh ejen perjalanan yang tidak berlesen.
- ii) Ketiadaan pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan atau ejen-ejen pengendalinya bagi mengesahkan tiket tersebut terlebih tempahan.

## FAEDAH 14 – TERLEPAS PENERBANGAN

**Kami** akan membayar sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**, bagi perbelanjaan tambahan yang diperlukan dan munasabah untuk penginapan dan perjalanan yang ditanggung sewaktu perjalanan balik ke Malaysia termasuk Sabah/Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan sebaliknya yang disebabkan oleh kerosakan mekanikal pada perkhidmatan **Pengangkutan Awam**, dan menyebabkan **Anda** tidak dapat sampai ke pelabuhan berlepas, lapangan terbang atau stesen keretapi sebagaimana dinyatakan dalam tiket.

**Anda** mestilah mendapatkan pengesahan bagi kerosakan mekanikal secara bertulis daripada **Pengangkutan Awam** atau ejen-ejen pengendalinya.

### PENGECCUALIAN KEPADA FAEDAH 14:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- i) Kegagalan **Anda** untuk daftar masuk di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan mengikut jadual perjalanan yang diberikan kepada **Anda**.
- ii) Kelewatan tiba di lapangan terbang, stesen atau pelabuhan selepas waktu daftar masuk atau waktu tempahan.

## FAEDAH 15 – PENGALIHAN PERJALANAN

**Kami** akan membayar jumlah sebagaimana dinyatakan di dalam **Jadual Faedah** bagi kelewatan **Pengangkutan Awam** berjadual untuk tempoh enam (6) jam penuh dan berturut-turut, akibat laluan penerbangan diubah dari masa asal yang dijadualkan sebagaimana dinyatakan di dalam jadual penerbangan bercetak disebabkan mogok atau tindakan industri, keadaan cuaca buruk atau kerosakan mekanikal.

### PENGECCUALIAN KEPADA FAEDAH 15:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- i) Pengalihan perjalanan yang disebabkan oleh mogok atau tindakan industri yang bermula atau telah diumumkan sebelum insurans dibeli.
- ii) Kegagalan **Anda** untuk mendapatkan pengesahan bertulis daripada **Pengangkutan Awam** atau ejen-ejen pengendalinya mengenai jumlah jam kelewatan dan sebab-sebab kelewatan berkenaan.
- iii) Kelewatan tiba ke destinasi akibat kelewatan **Pengangkutan Awam** untuk berlepas.



## FAEDAH 16 – TABUNG PENDIDIKAN ANAK

**Kami** akan membayar jumlah sebagaimana dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**, sekiranya **Anda** meninggal dunia akibat **Kemalangan** di **Luar Negara** dalam **Tempoh Insurans**, dan mempunyai **Anak** tanggungan (tanpa mengambil kira bilangan **Anak**) pada tarikh **Kemalangan**.

## FAEDAH 17 – INDEMNITI KAD KREDIT SELEPAS KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

**Kami** akan membayar balik tunggakan perbelanjaan kad kredit **Anda** yang telah dibelanjakan di **Luar Negara** sekiranya **Anda** meninggal dunia akibat **Kemalangan** di **Luar Negara** dalam **Tempoh Insurans**.

## FAEDAH 18 – ISI KANDUNGAN RUMAH

Sekiranya **Anda** menanggung kerugian atau kerosakan fizikal kepada **Kandungan Isi Rumah Anda** di kediaman tetap **Anda** di Malaysia yang ditinggalkan tanpa berpenghuni sewaktu **Anda** berada di **Luar Negara**, akibat kebakaran atau **Kecurian** dalam **Tempoh Insurans**, maka **Kami** akan membayar balik kerugian sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**.

### PENGECCUALIAN KEPADA FAEDAH 18:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- i) Kehilangan atau kerosakan yang disengajakan atau dengan penglibatan **Anda** sendiri.
- ii) Kehilangan (sementara atau kekal) harta **Anda** atau mana-mana bahagian daripadanya akibat dirampas, dituntut, ditahan atau pendudukan secara sah atau tidak sah ke atas harta tersebut atau mana-mana premis, kenderaan atau barangan yang mengandungi maksud yang serupa oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan.
- iii) Sebarang bentuk kerugian atau kerosakan turutan.
- iv) Kegunaan perniagaan atau profesional berhubung dengan peralatan fotografi dan peralatan dan aksesori sukan dan peralatan muzik.
- v) Kenderaan bermotor, bot, haiwan ternakan, basikal dan apa-apa kelengkapan atau aksesori yang berkaitan dengannya.
- vi) Kerugian yang diperolehi semula daripada mana-mana insurans lain yang diambil oleh **Anda** bagi melindungi **Kandungan Isi Rumah Anda**.

## FAEDAH 19 – KERUGIAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN HOTEL

**Kami** akan membayar jumlah setiap hari dan sehingga maksimum lima belas (15) hari sebagaimana dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**, disebabkan ketiadaan penginapan hotel yang telah dibayar terlebih dahulu berhubung dengan perbelanjaan tambahan yang ditanggung bagi penginapan alternatif, akibat kebakaran, banjir, rusuhan, mogok atau tindakan industri di hotel yang ditempah dalam **Tempoh Insurans** sewaktu **Anda** berada di **Luar Negara**.

Untul layak mendapatkan faedah ini, **Anda** mestilah mendaftar masuk mengikut jadual penginapan asal. Sekiranya **Anda** dihalang daripada mendaftar masuk bagi penginapan hotel yang telah ditempah terlebih dahulu akibat kontigensi yang tersebut di atas, **Anda** mestilah mendapatkan pengesahan bertulis daripada hotel atau ejen-ejen pengendalinya dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab yang mewajarkan penginapan alternatif dicari.

### PENGECCUALIAN KEPADA FAEDAH 19:

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada kebakaran, banjir, rusuhan, mogok atau tindakan industri yang berlaku atau telah diumumkan pada atau sebelum insurans ini dibeli.

## FAEDAH 20 – PERLINDUNGAN EKSES KENDERAAN SEWA

**Kami** akan membayar balik sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**, bagi sebarang eksek atau potongan yang dikenakan di mana **Anda** dipertanggungjawabkan di sisi undang-undang dibawah kontrak sewaan kenderaan semasa **Anda** berada di **Luar Negara** sekiranya berlaku **Kemalangan** kepada kenderaan yang disewa dalam **Tempoh Insurans**.

Dengan syarat:

- i) Kenderaan sewa berkenaan disewa daripada agensi/syarikat sewaan berlesen.
- ii) Sebagai sebahagian daripada perjanjian sewaan, **Anda** mestilah membeli insurans motor komprehensif sebagai perlindungan terhadap kehilangan atau kerosakan ke atas kenderaan sewa dalam tempoh penyewaan.
- iii) **Anda** mestilah mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh agensi/syarikat sewaan di bawah perjanjian sewa dan syarikat insurans kenderaan sewa tersebut serta undang-undang, perintah dan peraturan negara tersebut.

- iv) Kenderaan sewa mestilah disewa oleh **Anda** atau mana-mana **Ahli Keluarga Terdekat Anda** yang dinamakan sebagai **Orang Yang Diinsuranskan/Pihak Diinsuranskan** di bawah **Jadual** dan mestilah memegang lesen yang sah di sisi undang-undang untuk memandu kenderaan sewa dengan syarat **Anda** dan **Ahli Keluarga Terdekat Anda** tidak dilucutkan kelayakan oleh mana-mana perintah Mahkamah atau tidak dibenarkan oleh sebarang undang-undang, enakmen, perintah atau peraturan daripada menyewa dan memandu dalam **Tempoh Insurans**.

#### **PENGECUALIAN KEPADA FAEDAH 20:**

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- i) Kerugian atau kerosakan akibat pengendalian kenderaan sewa yang melanggar terma-terma perjanjian sewaan atau kerugian atau kerosakan yang berlaku akibat melampaui had mana-mana jalan raya awam atau melanggar undang-undang, perintah dan peraturan negara berkenaan.
- ii) Kerugian atau kerosakan kenderaan yang disewa bukan disebabkan oleh **Kemalangan**.

#### **FAEDAH 21 – KOS TAMBAHAN UNTUK PEMULANGAN KENDERAAN SEWA**

**Kami** akan membayar balik sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**, jika **Anda** menanggung kos tambahan bagi kenderaan sewa sekiranya **Anda** tidak dapat memulangkan kenderaan yang disewa kepada agensi/syarikat sewaan berlesen di depot sewaan terdekat semasa dalam perjalanan di **Luar Negara**, akibat **Kecederaan** atau **Penyakit Anda** yang memerlukan penghospitalan dalam **Tempoh Insurans**.

Faedah ini hanya terpakai sekiranya **Anda** bertanggungjawab ke atas kos tersebut di bawah perjanjian sewaan kereta.

#### **PENGECUALIAN KEPADA FAEDAH 21:**

Tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau akibat daripada:

- i) Kegagalan untuk mematuhi semua syarat dalam perjanjian sewaan.
- ii) Mengambil bahagian atau terlibat dalam apa jua bentuk aktiviti berkaitan kelajuan atau percubaan masa.
- iii) Tidak mempunyai lesen sepenuhnya untuk memandu kenderaan yang disewa.

#### **FAEDAH 22 – CAJ KECEMASAN TELEFON BIMBIT**

**Kami** akan membayar balik caj-caj panggilan antarabangsa telefon bimbit **Anda** sehingga had yang dinyatakan di dalam **Jadual Faedah**, sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan** atau **Penyakit** yang memerlukan **Anda** dimasukkan ke hospital dalam **Tempoh Insurans**. **Anda** mestilah mengemukakan resit untuk mendapatkan pembayaran balik daripada **Kami**.



**Polisi** ini tidak melindungi sebarang kerugian atau tuntutan yang disebabkan atau akibat daripada:

1. Secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh, berlaku atas sebab atau diakibatkan oleh:
  - a) Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, kebangkitan, rampasan kuasa pihak tentera atau perampasan atau nasionalisasi atau pengambilan atau pemusnahan atau kerosakan kepada harta benda oleh atau di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa tempatan atau rusuhan atau kekecohan awam.
  - b) **Anda** terlibat dalam sukan atau permainan secara profesional atau di mana **Anda** boleh atau akan menerima pendapatan atau penggajian daripada penglibatan dalam sukan atau permainan tersebut.
  - c) **Kemalangan** sewaktu terlibat dalam perlumbaan, pengujian kepantasan, perlumbaan motor rali dan pertandingan, mendaki gunung (yang memerlukan penggunaan tali atau jurupandu), memanjat batu, mendaki atau merentasi kawasan terpencil melainkan ditemani penunjuk arah berlesen, sebarang aktiviti yang melibatkan **Anda** berada di udara (sama ada tergantung atau tidak) tidak terhad kepada aktiviti-aktiviti payung terjun, penerokaan lubang atau jurang gua, peluncuran gantung, lompatan bungee, sukan terjun udara, aktiviti bawah air yang memerlukan penggunaan radas pernafasan (kecuali aktiviti menyelam skuba yang dilakukan untuk aktiviti masa lapang), memburu, seni mempertahankan diri, gusti, tinju dan menunggang kuda (kecuali dilakukan untuk aktiviti masa lapang).
  - d) **Kecederaan** atau **Penyakit** yang disengajakan, gila, penyakit kelamin, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau penyakit Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), kesan atau pengaruh, sementara atau sebaliknya, daripada alkohol atau ubat (selain daripada ubat yang diambil mengikut preskripsi rawatan dan diarahkan oleh **Pengamal Perubatan**, tetapi bukan untuk rawatan ketagihan dadah), mendedahkan diri kepada keadaan bahaya (kecuali dalam percubaan untuk menyelamatkan nyawa).
  - e) Pembelahan nuklear, pelakuran nuklear atau pencemaran radioaktif.
  - f) Sinaran pengionan atau pencemaran keradioaktifan daripada apa-apa sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear.
  - g) Kegagalan **Anda** untuk mendapatkan suntikan vaksin yang diperlukan sebelum berlepas.
2. Berhubung dengan apa-apa harta benda yang diinsuranskan secara lebih khusus atau sebarang tuntutan jika bukan kerana kewujudan insurans ini masih diperoleh semula di bawah mana-mana insurans lain.
3. Tuntutan-tuntutan atau kejadian-kejadian yang boleh membawa kepada tuntutan tidak dimaklumkan terus secara bertulis kepada **Kami** dalam tempoh tiga puluh satu (31) hari dari tarikh **Kemalangan**/kejadian.
4. Perjalanan **Anda** bertentangan dengan nasihat yang diberi oleh **Pengamal Perubatan** dan/atau untuk tujuan mendapatkan rawatan perubatan di **Luar Negara**.
5. **Anda** membuat penerbangan atau perjalanan selain daripada sebagai penumpang berbayar dengan syarikat penerbangan berlesen atau pesawat tempahan berlesen pada laluan yang dijadualkan dan helikopter.
6. **Anda** terlibat dalam sebarang aktiviti berkaitan dengan tentera laut, tentera darat atau tentera udara atau polis, luar pesisir, kerja manual yang berkaitan dengan sebarang perdagangan, profesion dan pekerjaan, pertukaran pekerja sementara di luar negara, anak kapal, perlombongan, mengendalikan bahan letupan, penyelam atau sukan profesional dan krew kapal terbang, sebagai sebahagian daripada pekerjaan **Anda**.
7. **Keadaan Pra-Wujud**, kehamilan, kelahiran bayi, keguguran, pengguguran dan semua komplikasi yang berkaitan, **Penyakit** atau gangguan yang bersifat psikologi, apa-apa keadaan keresahan dan/atau kemurungan, penyakit mental.
8. Apa-apa kerugian akibat tukaran wang daripada apa-apa dan sebarang jenis.
9. Sebarang aktiviti menyalahi undang-undang.
10. Penglibatan langsung **Anda** dalam tindakan penganas.

### 1. TAFSIRAN

**Polisi, Jadual Faedah** dan **Jadual** ini hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan membentuk kontrak keseluruhan di antara semua pihak dan tiada sebarang akujanji pernyataan, kenyataan, waranti, perjanjian, dinyatakan atau tersirat, selain daripada yang terkandung di dalam kontrak ini dan sebarang perkataan atau ungkapan yang mempunyai makna khusus hendaklah dalam mana-mana bahagian **Polisi, Jadual Faedah** atau **Jadual** ini membawa maksud khusus sedemikian di mana jua ia mungkin dicatat.

### 2. KEPADA SIAPA INDEMNITI DIBAYAR

Indemniti bagi kehilangan nyawa **Anda** perlu dibayar kepada benefisiari yang dinamakan atau penama, atau selainnya kepada harta pusaka **Anda**. Semua indemniti lain **Polisi** ini perlu dibayar kepada **Anda**.

### 3. PEMATUHAN SYARAT-SYARAT

**Anda** seharusnya mematuhi dan memenuhi terma-terma, syarat-syarat dan pengendorsan **Polisi** ini setakat mana ia berhubung kait dengan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh **Anda** dan di mana ia memberi kesan kepada mana-mana liabiliti **Kami** untuk membuat sebarang bayaran di bawah **Polisi** ini.

### 4. PENJAGAAN MUNASABAH

**Anda** mestilah melaksanakan penjagaan munasabah yang sewajarnya dan mencegah daripada **Kemalangan, Kecederaan, Penyakit**, kehilangan atau kerosakan pada sepanjang masa.

### 5. SALAH NYATAAN/ PENIPUAN

**Polisi** ini boleh terbatal sekiranya berlaku salah nyata, penerangan yang salah, kesilapan, pengabaian atau tidak mendedahkan fakta oleh **Anda** yang mana **Anda** tahu atau sepatutnya telah mengetahui sebagai tidak benar, mengelirukan atau berkaitan atau yang mungkin telah mempengaruhi pertimbangan penanggung insurans yang berhemat (termasuk **Kami**) dalam menentukan premium yang perlu dibayar dan/atau menentukan jika risiko sepatutnya diterima, dengan atau tanpa niat untuk menipu **Kami**.

### 6. TUNTUTAN

Sekiranya berlaku tuntutan **Anda** hendaklah:

- memaklumkan kepada **Kami** secara bertulis secepat mungkin walau dalam apa jua keadaan tidak lewat daripada tiga puluh satu (31) hari selepas tarikh **Kemalangan/kejadian**.
- menyediakan dokumen, maklumat dan bukti sebagaimana mungkin diperlukan oleh **Kami** atas perbelanjaan **Anda**.
- dalam kes kehilangan atau kerosakan kepada bagasi, notis serta-merta secara bertulis mestilah diberikan kepada pihak polis, syarikat pengangkutan dan pihak berkuasa berkaitan yang lain mengikut keadaan dan dalam kes yang membabitkan syarikat penerbangan, dapatkan Laporan Penyimpangan Harta (Property Irregularity Report).
- sekiranya berlaku kehilangan **Wang** dan/atau Dokumen Peribadi, kehilangan tersebut mestilah dilaporkan kepada polis dalam masa dua puluh empat (24) jam dari masa kehilangan diketahui dan laporan polis diperolehi.

### 7. HAK-HAK SYARIKAT SELEPAS TUNTUTAN

**Kami** hendaklah dimaklumkan untuk menjalankan di atas nama dan bagi pihak **Anda** pembelaan atau penyelesaian sebarang tindakan undang-undang dan membuat prosiding atas perbelanjaan **Kami** sendiri dan untuk manfaat **Kami** sendiri tetapi di atas nama **Anda** bagi mendapatkan pampasan daripada mana-mana pihak ketiga berhubung dengan apa-apa sahaja yang dilindungi oleh **Polisi** ini. Sekiranya berlaku kematian **Anda Kami** berhak untuk mendapatkan laporan bedah siasat atas perbelanjaan **Kami** sendiri.

### 8. SUMBANGAN

Jika berlakunya kerugian, kerosakan atau liabiliti di bawah **Polisi** dan terdapat sebarang insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, **Kami** akan hanya membayar perkadarannya yang setimpal.

## 9. TIMBANG TARA

Semua percanggahan yang timbul daripada **Polisi** ini hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh kedua-dua pihak yang bercanggah atau sekiranya mereka tidak bersetuju dengan pelantikan seorang Penimbang Tara kepada keputusan oleh dua Penimbang Tara, yang dilantik secara bertulis seorang oleh setiap pihak dalam masa satu (1) bulan kalendar selepas diperlukan secara bertulis untuk berbuat demikian oleh mana-mana pihak atau dalam kes kedua-dua Penimbang Tara tidak boleh mencapai persetujuan seorang Pengadil akan dilantik secara bertulis oleh kedua-dua Penimbang Tara sebelum mula mendengar perkara yang dirujuk. Pengadil akan bersidang bersama dengan kedua-dua Penimbang Tara dan mempengerusikan mesyuarat mereka dan pembuatan Award hendaklah menjadi syarat duluan kepada mana-mana hak atau tindakan terhadap **Kami**.

Sekiranya **Kami** menafikan liabiliti kepada **Anda** bagi mana-mana tuntutan di bawah ini dan tuntutan tersebut tidak boleh dibuat dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar dari tarikh penafian tersebut setelah dirujuk kepada penimbang tara di bawah peruntukan yang terkandung di dalam ini, maka tuntutan tersebut hendaklah dianggap telah digugurkan dan tidak boleh dituntut kembali selepas ini.

## 10. PREMIUM (DIGUNA PAKAI UNTUK PELAN SATU PERJALANAN)

Tiada bayaran balik premium dibenarkan sebaik sahaja **Polisi/Jadual** insurans telah berkuat kuasa.

## 11. PEMBATALAN (DIGUNA PAKAI UNTUK PELAN/POLISI PERJALANAN TAHUNAN)

**Kami** boleh menentukan dan membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberi notis selama tujuh (7) hari kepada **Pihak Diinsuranskan/Anda** melalui surat berdaftar ke alamat **Anda** yang terakhir diketahui, dengan syarat bahawa dalam keadaan demikian **Kami** akan atas permintaan memulangkan kepada **Pihak Diinsuranskan/Anda** premium berkadaran dengan **Tempoh Insurans** yang belum tamat. **Polisi** ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh **Anda** dengan memberi notis bertulis tujuh (7) hari kepada **Kami** dan dalam keadaan ini **Anda** akan berhak menerima pemulangan premium ditolak premium pada kadar jangka pendek **Kami** bagi tempoh **Polisi** telah berkuat kuasa dalam **Tempoh Insurans** semasa.

### Kadar Jangka Pendek

Tempoh Diinsuranskan Tidak Melebihi	Peratusan (%) Kadar Tahunan Yang Dikenakan	Peratusan (%) Pemulangan Premium Tahunan
1 bulan	20	80
2 bulan	30	70
3 bulan	40	60
4 bulan	50	50
5 bulan	60	40
6 bulan	70	30
7 bulan	75	25
8 bulan	80	20
9 bulan	85	15
10 bulan	90	10
11 bulan	95	5
Tempoh melebihi 11 bulan	100	Tiada pengembalian

## 12. HAD UMUR

Umur **Anda** tidak boleh kurang daripada tiga puluh (30) hari atau lebih daripada lapan puluh (80) tahun.

## 5 Endorsemen, Perubahan Dan Penambahan

### (Tidak Termasuk Dalam Polisi Melainkan Dinyatakan Dalam Jadual Polisi)

#### PERLINDUNGAN KEGANASAN (Akibat Penggunaan Senjata Pemusnah Besar-Besaran Nuklear, Kimia atau Biologi)

Adalah dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini diperluaskan untuk melindungi kematian, hilang upaya dan kerugian yang timbul akibat daripada tindakan **Keganasan** kecuali **Keganasan** akibat semata-mata daripada penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Nuklear, Kimia atau Biologi walau bagaimana cara sekalipun ia disebarikan atau digabungkan.

Untuk tujuan fasal ini:

- (a) **Keganasan** bermaksud satu tindakan, atau tindakan-tindakan mana-mana individu, atau kumpulan individu, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan seumpamanya dengan niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau untuk membuatkan orang awam atau mana-mana bahagian awam berada dalam ketakutan. **Keganasan** boleh termasuk, tetapi tidak terbatas kepada, penggunaan kekerasan atau keganasan sebenar dan/atau ancaman penggunaan sedemikian. Tambahan pula, mereka yang melakukan **Keganasan** boleh bertindak sama ada secara bersendirian, atau bagi pihak, atau bersangkutan-paut dengan mana-mana pertubuhan atau kerajaan.
- (b) Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Nuklear bermaksud penggunaan sebarang bahan letupan senjata nuklear atau peranti atau pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelancaran bahan yang tahap radioaktifnya berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.
- (c) Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Kimia bermaksud pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelepasan sebarang sebatian kimia pepejal, cecair atau bergas yang, apabila disebarikan sepenuhnya, berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.
- (d) Penggunaan senjata pemusnah besar-besaran Biologi bermaksud pemancaran, pelepasan, penyebaran, pembebasan atau pelancaran sebarang mikroorganisma patogenik (yang menghasilkan penyakit) dan/atau toksin yang terhasil secara biologi (termasuk organisma yang diubahsuai secara genetik dan toksin yang disintesis secara kimia) yang berupaya menyebabkan kelumpuhan atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.

## 6 Notis Penting

1. **Pihak Diinsuranskan/Anda** hendaklah membaca **Polisi** ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak pemegang polisi/**Pihak Diinsuranskan, Anda** hendaklah memberitahu **Kami** dengan segera dan mengembalikan **Polisi** untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. **Pihak Diinsuranskan/Orang Yang Diinsuranskan** yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan **Kami** boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan **Kami** dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:
  - a) **Unit Pengendalian Aduan**  
**AmGeneral Insurance Berhad**  
Menara Shell  
No. 211, Jalan Tun Sambanthan  
50470 Kuala Lumpur  
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur  
50740 W.P. Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel : +603-2268 3333  
Faks : +603-2268 2222
  - b) **Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)**  
Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel : +603-2272 2811  
Faks : +603-2272 1577
  - c) **Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)**  
Tingkat Bawah, Blok C  
Bank Negara Malaysia  
Peti Surat 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel : 1300 88 5465  
Faks : +603-2174 1515